

Putrajaya: BN tak gentar cabaran pembangkang

UM - 5 MAY 2002
SHAH ALAM 4 Mei — Barisan Nasional (BN) tidak gentar dengan cabaran parti pembangkang yang berhasrat meletakkan calonnya untuk bertanding kerusi Parlimen Putrajaya pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pembangkang berhak mencalonkan sesiapa sahaja kerana itu adalah urusan dalaman parti mereka.

“Dia bubuh sesiapa sahaja, itu dia punya hal, dia punya calon.

“Kena cabarlah dulu, cakap (sahaja) tidak jadilah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2002 bertemakan “K-Pekerja Peneraju Menghadapi Cabaran Globalisasi” di Stadium Malawati di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Pas Kubang Kerian Husam Musa dalam organ rasmi Pas *Harakah* terbitan 1 - 15 Mei 2002 bahawa Pas berhasrat meletakkan calon wanita bertanding di Putrajaya pada pilihan raya umum akan datang.

Putrajaya menjadi kerusi Parlimen ke-194 apabila Dewan Rakyat meluluskan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi pembentukannya baru-baru ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berharap syarikat penerbangan “Air France” akan menambah hak pendaratan untuk Penerbangan Malaysia (MAS) di negara itu.

“Akhirnya kita berharap ia setiap hari tetapi kita nak juga Air France mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA),” katanya.

Mengulas kenyataan pegawai Air France bahawa hak pendaratan untuk MAS sepatutnya disertai sama pembelian kapal selam oleh Malaysia, beliau berkata, syarat seperti itu menyalahi undang-undang.